

TARIKH : 24/3/2023
SURAT KHABAR : kosmo
MUKA SURAT : 14

Balu terima faedah Perkeso arwah suami

SEREMBAN – Kehadiran Ramadan memberi sinar kepada seorang balu yang menerima faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) selepas kematian suami pada 11 Mac lalu.

Nur Fatihah Mohd. Anuar, 25, berkata, suaminya, Nor Aiqal Syazmir Aziz, 27, maut dalam kemalangan di Kilometer 29, Jalan Seremban-Kuala Pilah selepas dikatakan bertembung dengan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Proton X70.

“Mungkin ini rezeki anak sempena kehadiran Ramadan. Dapatlah ringankan sedikit beban saya.

“Dengan pampasan yang diberikan Perkeso ini sedikit sebanyak boleh digunakan untuk perbelanjaan harian memandangkan saya tidak bekerja dan kini tinggal bersama ibu bapa di Taman Negeri, Ampangan,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Exco Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan negeri, Datuk Dr. Mohamad Rafie Ab. Malek menyampaikan

sumbangan Kotak Prihatin dan faedah daripada Perkeso.

Turut hadir Pengarah Perkeso Negeri Sembilan, Nur Mohammad Bakhtir Mohamad Akhir.

Lebih memilukan, Nur Fatihah berkata, suaminya yang bekerja sebagai penghantar barang di sebuah syarikat kurier itu meninggalkan seorang anak perempuan yang baru berusia lima bulan.

“Pada hari kejadian, kami mengadakan majlis akikah untuk anak sulung kami, namun suami tidak dapat cuti dan perlu bekerja.

“Kira-kira pukul 7 pagi saya menerima panggilan daripada ibu saudara memaklumkan ada menerima gambar kemalangan membabitkan suami. Dari situ saya tahu suami terbabit kemalangan ketika dalam perjalanan ke tempat kerja,” katanya sebak.

Sementara itu, Nur Mohammad Bakhtir berkata, balu mangsa kemalangan itu juga layak untuk diberikan Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000.



MOHAMAD RAFIE (dua dari kanan) dan **Nur Mohammad Bakhtir** (kanan) menyampaikan faedah Perkeso kepada **Nur Fatihah**.